

07 JAN 1998

Megat - Import

HENTI IMPORT BARANG TIDAK LAKU

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Semua barang import yang tidak begitu laku akan disenaraikan bagi memastikan ia tidak lagi diimport bagi mengelak pengaliran keluar wang negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata tindakan itu ekoran arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertujuan menggalakkan penggunaan barangan buatan tempatan.

Barangan itu termasuk bahan makanan dan barangan kegunaan harian yang terdapat dengan banyaknya di pasar raya kerana pengguna tidak membelinya, kata beliau kepada pemberita ketika hari ini.

"Contohnya mentega, kenapa kita perlu mengimport 50 jenis mentega sedangkan orang kita tidak makan mentega. Begitu juga minuman seperti wain dan makanan dalam tin, siapa yang minum minuman-minuman seperti itu?" kata Megat Junid.

Beliau telah meminta Ketua Setiausaha kementerian itu menemui pengimport-pengimport terbabit dan menasihatkan mereka supaya berhenti mengimport barang-barang berkenaan.

"Import barang-barang ini akan terhenti dengan sendirinya apabila orang ramai tidak lagi membelinya," katanya.

Megat Junid juga mengakui harga bahan-bahan makanan termasuk bawang naik dengan mendadak tetapi bahagian penguatkuasa kementerian itu telah diarah mempertingkatkan pemeriksaan memastikan kenaikan itu tidak berlarutan.

Beliau berkata, kementerian sukar untuk menetapkan harga maksimum bagi barang-barang makanan seperti daging, yang diimport pada harga yang berbeza-beza.

Katanya, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-Barang Perlu, yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengadakan mesyuarat biasanya esok bagi membincangkan antara lainnya langkah-langkah untuk mengatasi kenaikan berterusan barang-barang keperluan harian. -- BERNAMA

RA MAI